

MAHATHIR - PETANIAN

KANGAR, MEI 5 (BERNAMA) --- DR. MAHATHIR BIN MOHAMMED, HARI INI MENGANJORKAN BAHAWA DI-DALAM USAHA MENINGGIKAN TARAF HIDUP PETANI2, TANAMAN PADI HENDAK-LAH DI-JADIKAN SEBAGAI INDUSTRI YANG TERANCANG DAN TERSUSUN DAN TIDAK LAGI DI-USAHAKAN SECHARA TRADISIONAL SAPERTI SEKARANG.

KATA-NYA, DI-DALAM MELAKSANAKAN USAHA INI KAWASAN2 BENDANG HENDAK-LAH DI-SATUKAN SA-KURANG2-NYA 50 EKAR DAN DI-USAHAKAN SECHARA BERSHARIKAT.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA MEMBENTANG KERTAS KERJA-NYA BERTAJOK +PERANAN BELIA DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI PERTANIAN+ DALAM SEMINAR PERGERAKAN PEMUDA UMNO NEGERI PERLIS DI-PUSAT PELBAGAI GUNA DI-SINI HARI INI.

PERUSAHAAN PENANAMAN PADI ATAS TANAH SA-LUAS 50 EKAR DAN DI-JALANKAN SECHARA BERSHARIKAT ITU BERMAKNA BAHAWA PETANI2 BOLEH MENGADAKAN BELANJAWAN YANG TERTENTU, PENGURUSAN YANG CHEKAP DAN DENGAN ITU DAPAT MENENTUKAN SAMA ADA PERUSAHAAN MEREKA MENDATANGKAN KEUNTONGAN ATAU SA-BELEK-NYA.

KATA-NYA, KAKITANGAN2 YANG CHEKAP PERLU-LAH DI-AMBIL BAGI MENGTABIRKAN PERUSAHAAN DAN MEMBUAT KAJIAN2 TERTENTU. --BERSAMBONG

MAHATHIR-PERTANIAN - 2 KANGAR

KATA-NYA, PERUSAHAAN TANAMAN PADI YANG MODEN DAN BESAR PERLU MEMPUNYAI KOMPLEK PERTANIAN-NYA YANG SENDIRI DI-KAWASAN YANG TERTENTU DALAM LADANG2 MASING.

PERKHIDMATAN EKONOMI PERTANIAN YANG TERANCANG SAPERTI ITU AKAN MENGUBAH CHORAK KAWASAN LUAR BANDAR.

KAMPONG AKAN HILANG DAN DI-GANTIKAN DENGAN BANDAR2 KECIL DI-MANA PERKHIDMATAN SAPERTI MEMBARAGI BAJA, MEMPERBAIKI JENTERA, DAN KEDAI AKAN MUNCHUL.

PETANI2 JUGA AKAN HILANG DAN DI-GANTIKAN DENGAN PEKERJA2 YANG TERPELAJAR DALAM SEGI CHUCHOK TANAM DAN PENGGUNAAN ALAT2 MODEN. -- BERSAMBONG 1826HM

597:

MAHATHIR-PERTANIAN 3 KANGAR

SA-PAROH DARIPADA PETANI2 PULA AKAN TERPAKSA BEKERJA DALAM JURUSAN2 LAIN DI-PEKAN2 KECIL YANG AKAN UJUD MENJADI BUROH KASAR DAN CHEKAP.

BAGI MENJAYAKAN PERUBAHAN SAPERTI ITU, PEMUDA2 ADA-LAH MERUPAKAN GOLONGAN YANG PENTING BAGI MEMBENTOK FIKIRAN DAN CHARA HIDUP UNTUK PERUBAHAN2 SAPERTI ITU. OLEH HAL YANG DEMIKIAN MEREKA PERLU-LAH MELENGKAPKAN DIRI DENGAN PENGETAHUAN DAN PEN-DIDEKAN.

SELARAS DENGAN ZAMAN SAIN DAN TEKNOLOJI, KATA DR. MAHATHIR, PERANAN BELIA IA-LAH MENYEDIAKAN UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN YANG SA-PENOH DALAM EKONOMI PERTANIAN BARU DAN RADIKAL.

MEREKA MESTI BERLATEH BUKAN SAHAJA DALAM PERTANIAN CHARA MODEN DI-LADANG2 YANG BESAR DAN TERATOR, TETAPI MEREKA MESTI BERSEEDIA UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM BIDANG PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN DALAM PEKAN2 KECIL YANG AKAN TUMBOH APABILA RANCANGAN DESA BARU SUDAH DI-SELENGGARKAN. --BERNAMA 1837 HM